

23/05/2000

Rampasan kuasa di Fiji sudah dijangka

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, kejadian rampasan kuasa di Fiji memang sudah dijangka kerana jurang perbezaan masyarakatnya terlalu luas.

"Kita amat dukacita kejadian ini berlaku walaupun kita beranggapan kejadian seperti ini sudah dijangka akan berlaku," katanya kepada pemberita selepas melancarkan logo baru Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC) di sini.

Dr Mahathir berkata, kejadian seperti itu akan terus berlaku kecuali ada program berkesan bagi masyarakat Fiji berkongsi kekayaan ekonomi negara berkenaan.

"Ia lebih sukar di Fiji kerana jurang perbezaan terlalu luas, kecuali ada program berkesan bagi Bumiputera Fiji berkongsi kekayaan negara itu," katanya.

Perdana Menteri berkata, usahawan Malaysia ada membuat pelaburan di negara itu, termasuk dalam industri pelancongan.

"Kita harus mengambil risiko kerana kita tidak boleh mengharapkan kerajaan melindungi kepentingan kita sepanjang masa," katanya.

Jumaat lalu, sekumpulan lelaki bersenjata yang diketuai seorang ahli perniagaan Fiji, merampas kuasa pemerintahan negara itu.

Mereka mengambil alih kuasa eksekutif di negara Pasifik Selatan itu demi kesinambungan dan maruah anak bangsa jati Fiji.

Bagaimanapun, tidak jelas sama ada rampasan itu disokong tentera Fiji, peneraju dalam rampasan kuasa 1987 dalam pentadbiran yang dikuasai ahli politik keturunan India.

Rampasan kuasa yang berlaku serentak dengan demonstrasi antikerajaan itu jelas dirancang terperinci kerana talian telefon antarabangsa dipotong sejurus sebelum tujuh lelaki bersenjata menyerbu Parlimen.

(END)